

# IPTA tangguh daftar secara semuka

Pendaftaran pelajar bagi sesi Oktober 2020/2021 kini dibuat secara dalam talian

## KUALA LUMPUR

Universiti Malaya (UM) adalah antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menangguhkan pendaftaran secara bersemuka bagi pelajar baharu dan lama bagi sesi Oktober 2020/2021.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Profesor Ir Dr Abdul Aziz Abdul Raman memaklumkan proses pendaftaran bagi pelajar berkenaan akan dilakukan secara dalam talian.

"Dengan mengambil kira situasi terkini kes positif Covid-19 yang meningkat, UM memutuskan supaya pendaftaran secara bersemuka atau fizikal bagi pelajar (baharu dan lama) ditangguhkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

**Di SHAH ALAM, SELANGOR,** Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga memutuskan untuk menangguhkan kemasukan semua pelajar baharu dan lama ke kampus secara fizikal atau bersemuka bagi sesi kali ini.

Ketua Perhubungan Awam, Media, Protokol dan Pengurusan Acara Jabatan Komunikasi UiTM, Nora Noordin berkata, semua pelajar juga diminta meneruskan pengajian menerusi kaedah ter-

buka dan jarak jauh bermula 12 Oktober sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

"Semua aktiviti dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat ditangguhkan sementara waktu, termasuk program yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor atau Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

**Di KUANTAN, PAHANG,** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menangguhkan kemasukan pelajar secara bersemuka di Kampus UMP Pekan dan Gambang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, arahan penangguhan kemasukan pelajar secara fizikal itu meliputi semua peringkat pengajian dan kategori pelajar UMP.

**Di KOTA BHARU, KELANTAN,** Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menangguhkan kemasukan semua pelajar secara bersemuka untuk pelajar lama dan baharu bagi sesi akademik 2020/2021.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Profesor Dr Mohd Rafi Yaacob berkata, satu pekeliling telah dikeluarkan bagi tujuan tersebut semalam.

**Di MELAKA,** Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menangguhkan sementara pendaftaran dan kemasukan pelajar secara fizikal bagi sesi akademik tahun 2020/2021.



Pendaftaran pelajar UMP di Kuantan ditangguhkan mengikut arahan dikeluarkan KPT semalam.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan semalam, Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr Raha Abdul Rahim berkata, pendaftaran pelajar baharu dan kemasukan semula pelajar bagi sesi kali ini akan dijalankan secara dalam talian manakala proses pengajaran dan pembelajaran juga akan dilaksanakan secara dalam talian sehingga pengumuman baharu dibuat nanti.

Sementara itu, di **SKUDAI, JOHOR,** Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengambil langkah menangguhkan pendaftaran pelajar bagi Semester 1 2020/2021.

UTM menerusi Pejabat Hal Ehwal Korporatnya dalam satu kenyataan memberitahu, penangguhan tersebut merupakan susulan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semalam.